




## PAMERAN MAYA BENDERA MALAYSIA DARI UNION JACK KE JALUR GEMILANG



Terima Kasih  
atas kunjungan anda



<https://melaka.library.uitm.edu.my/>  
<http://www.perzim.gov.my/>

Bendera sebagai lambang kewujudan panji-panji atau obor-obor. Ia merupakan satu simbol atau lambang kekuasaan dan kedaulatan sesebuah negara. Ia digunakan sejak berkurun lama dalam pelbagai bentuk, saiz, warna dan reka bentuk yang berbeza-beza.

Bendera Union Jack adalah bendera kerajaan United Kingdom sebelum negara mencapai kemerdekaan. Ia mula dikibarkan pada tahun 1786 di Tanah Melayu apabila perjanjian antara Sultan Kedah dengan Kapten Francis Light bermula dengan penyerahan Kedah kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris. Sejarah bendera di negara kita bermula dengan Bendera Union Jack, Bendera Negeri-Negeri Selat, Bendera Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Bendera Persekutuan Tanah Melayu dan Bendera Malaysia. Bendera Malaysia mula digunapakai pada tahun 1950.

Pada 16 September 1963 Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah mengalami pengubahsuaian dengan penambahan bilangan jalur dan pecahan bintang dari 11 ke 14 yang menunjukkan jumlah negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia. Percantuman Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu telah melahirkan sebuah gagasan baru iaitu Malaysia. Apabila Singapura berpisah dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Bendera ini tetap kekal tanpa sebarang perubahan pindaan. Tempat Singapura digantikan oleh Wilayah Persekutuan. Pengisytiharan nama 'Jalur Gemilang' telah diadakan pada 31 Ogos 1997 jam 11.58 malam oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bagi menyemarakkan lagi semangat dan rasa cinta kepada negara, PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) telah mengadakan Pameran Maya Bendera Malaysia: dari Union Jack ke Jalur Gemilang

Maklumat lanjut sila ke laman sesawang di pautan ini:  
<https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/413-benderamalaysia>

